

**SOALAN NO. : 41**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : UST. DATUK DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN  
AMAN RAZALI [ KUALA NERUS]**

**TARIKH : 27 OKT 2016 (KHAMIS)**

**NO. RUJUKAN : DR010**

**SOALAN:**

**Ust. Datuk Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [ Kuala Nerus ] minta  
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan status terkini  
projek mengatasi masalah banjir dan hakisan pantai di Kampung Tanjung  
Gelam, Kuala Nerus.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Projek mencegah hakisan pantai di Kampung Tanjung Gelam, Mengabang Telipot, Kuala Nerus adalah merupakan projek kecemasan. Projek tersebut telah dilaksanakan mulai 25 Februari 2016 dengan membina struktur lapis lindung batu (*rock revetment*) sepanjang 700m. Projek tersebut telah disiapkan pada 23 Jun 2016 dan menelan belanja sebanyak RM2 juta.

Sekian, terima kasih.